

# gaya hidup



TERLEPAS MEMBACA RUANGAN HIDAYAH?

Tangguh belajar agama: Sempatkah sampai usia tua?



IMBAS KOD QR UNTUK MEMBACA

## Teater tari zapin 'Hati Ke Hati' bermain dengan emosi

HARYANI ISMAIL  
haryani@sp.com.sg

DUNIA sepi pada 2020. Apabila pandemik melanda, segala hingar-bingar kota mula menyepi.

Jarak sosial memisahkan manusia. Jauhkan diri satu meter, jangan lupa.

Di dalam dunia yang penuh dengan manusia yang terasa kesunyian, dunia ini menjadi lebih sepi dan diam membuat.

Teater tari *Hati Ke Hati* cuba menyampaikan semua ini melalui satu eksperimentasi tarian zapin.

la bak satu surat cinta yang tertulis sewaktu tempoh jereh payah pandemik yang mendedahkan kisah menyentuh jiwa yang mempersoal hubungan kita dengan diri kita sendiri, sesama manusia dan bersama alam.

*Hati Ke Hati* yang akan disajikan di Teater Pusat Drama, Bangunan Perpustakaan Negara pada 8 malam lusa merupakan penerbitan terkini kumpulan tarian Artistari Gentari.

Pementasan teater tari ini disokong Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Pengalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC).

la juga menerima sokongan bersama kumpulan seni



PUKUP JIWA CINTA BUDAYA: Menerusi teater tari 'Hati Ke Hati', pengarah artistik Artistari Gentari, Badarudin Hassan (duduk di tengah) berharap anak didiknya yang muda dapat selongkar keindahan irama tradisional zapin di samping menguraikan seni sebagai luahan rasa tentang situasi sosial sekeliling. Bersamanya adalah penyanyi Hyrul Anuar (berdiri di sebelahnya) yang bertindak sebagai pengarah kreatif projek ini. - Foto-foto BH oleh KHALID BABA

Artiste Seni Budaya.

Pengarah Artistik bagi Artistari Gentari, Badarudin Hassan, menerajui teater tari ini dengan dibantu pengarah muzik Alhafiz Jamat dan pengarah kreatif Hyrul Anuar.

Sebagaimana kata Badarudin: "*Hati Ke Hati* adalah usaha kami menyampaikan secebis harapan.

"Dalam tempoh satu malam ini di mana teater tari ini disajikan, hati yang kosong dan kesunyian akan menggapai harapan dengan satu janji hari esok yang lebih baik akan dapat dinikmati."

Menurut Badarudin lagi, judul teater tari ini mengambil sempena nama lagu klasik R. Ismail dan Rafeah Buang, *Dari Hati Ke Hati*.

"Secara artistik, kami ingin meneroka dan bereksperimen dengan pelbagai genre dan bentuk tarian Melayu tradisional dengan tumpuan khas pada genre zapin yang berasal dari Hadhramaut, Yaman.

"Kami juga ingin menjalinkan kerjasama antara artis bagi membandingkan pergerakan antara ruang dua dimensi dengan tiga dimensi.

"Usaha bereksperimen seni digital dengan unsur teatrikal pentas juga dapat dilaksanakan.

"Memandangkan pementasan ini memanfaatkan se-

ni digital, usaha memastikan seni persembahan tradisional Melayu kekal relevan dapat juga diusahakan," jelasnya.

Badarudin juga teruja kerana *Hati Ke Hati* mampu memperluas idea kreatif anak seni yang dapat bertukar-tukar idea dengan penggiat seni filem dan ilustrasi seni digital.

Sepanjang teater tari ini, penonton akan dibawa menyelenggara empat emosi jiwa - ketenangan, cinta, kemarahan dan kebanggaan.

la disejajarkan dengan struktur tarian zapin dengan pembahagian persembahan yang dipanggil taksim, alif, kopak dan wa'inab.

"Menerusi teater tari ini, kita boleh mewujudkan semula banyak kemungkinan menerusi bentuk metafora dan fizikal zapin Melayu.

"Pada masa yang sama, penerbitan ini diharap dapat menyentuh jiwa penonton menerusi kisah penuh emosi yang disampaikan, soalan yang sarat di fikiran serta kerisauan yang dihadapi semasa pandemik.

"Penceritaannya dibuat menerusi bait puisi lagu berirama zapin yang mengandungi banyak maksud tersirat serta berubah sepanjang perjalanan persembahan yang dibentangkan," tambah Badarudin lagi.

Antara matlamat penerbitan ini adalah mengekal-

kan dan memperkenalkan semula irama zapin tradisional seperti *Hari Ribut* dan *Faridzalham*.

"Kami juga ingin mengasuh, menyampaikan dan mendidik penonton muda kami dengan sajian lagu tradisional Melayu agar warisan kita tidak terkhakis.

"*Hati Ke Hati* juga bertujuan merapatkan jurang antara yang lama dengan yang baru. Kita ingin menambahi harapan penggiat tari mapan, Cik Som Said dan Enik Osman Hamid, terhadap generasi penggiat tarian Melayu muda.

"Kami ingin meneroka cara baru untuk mencetus inspirasi buat penonton menerusi refleksi peribadi dari hati di mana kami akan mengemukakan mutiara kata yang disulam dalam persembahan menerusi wawancara bersama generasi jurutari perintis ini," ujarnya.

Badarudin berharap penonton dapat hadir dengan minda yang terbuka untuk ditebar bait pemikiran secara kritikal dan berimajinasi tentang proses membina semula dan dekonstruksi tarian dan muzik zapin.

► Tiket pementasan teater tari *Hati Ke Hati* berharga \$25 dijual di laman Peatix (<https://peatix.com>). Persembahan ini disajikan di Teater Pusat Drama pada 8 malam, Sabtu ini. Tiket \$10 untuk tonton dalam talian juga boleh ditempah.

## Dua filem P. Ramlee kembali ke layar perak

BETAPA berpengaruhnya sineman Tan Sri P. Ramlee memang tidak dapat disangkal apabila karyanya ditayangkan hingga ke hari ini.

Arkhiv Filem Asia (AFA) telah memilih dua filemnya, *Pendekar Bujang Lapok* dan *Sarjan Hassan*, untuk ditayangkan bulan ini di Oldham Theatre di 1 Canning Rise.

*Sarjan Hassan*, sebuah filem patriotik yang diterbitkan pada 1958 dan membayangkan situasi ketenteraan dan pergelutan orang awam sewaktu tempoh pendudukan Jepun, akan ditayangkan pada 15 Februari ini pada 8 malam.

la adalah sebahagian siri tayangan filem sejajar dengan program 'New Light On an Old Tale: 80th Anniversary of the Fall of Singapore' oleh Arkhiv Negara Singapura.

Filem yang ditayangkan dalam siri ini mengingati ulang tahun ke-80 Singapura jatuh ke tangan Jepun.

Dalam pada itu, *Pendekar Bujang Lapok*, yang akan ditayangkan pada 20 Februari pada 2 petang dan 25 Februari pada 8 malam, adalah sebahagian program filem komedi berterusan AFA, *lahaha: a season of comedy*.

Tayangan filem ini, jelas AFA dalam e-melnya kepada akhbar ini, juga sangat istimewa kerana pihaknya telah menyiapkan sarikata baru yang disediakan khas bagi program ini.



SUSURI JALAN KEMANGAN: 'Pendekar Bujang Lapok', antara karya terbaik P. Ramlee, akan ditayangkan pada 20 Februari pada 2 petang dan 25 Februari pada 8 malam sebagai sebahagian program 'lahaha: a season of comedy' Arkhiv Filem Asia. - Foto MUZIUM NEGARA

"P. Ramlee sebagai sutradara, komposer, pemuzik dan pelakon adalah tokoh berpengaruh dalam persada budaya, bahasa dan kesenian Melayu di Singapura, yang telah memperluas pengaruhnya kepada negara lain di Asia Tenggara," jelas jurucakap AFA dalam e-melnya.

Tiket \$10 (umum) dan \$9 (pelajar, anggota Perkhidmatan Negara dan warga emas) boleh ditempah di laman AFA, <https://www.asianfilmarchive.org>

## Pengalaman sulung Hyrul selaku pengarah kreatif teater tari

MENYANYI dan monari rancang di pentas merupakan satu bakat semula jadi juru Anugerah 2005, Hyrul Anuar.

Menulis skrip program hiburan di televisyen dan mengendalikan program pengajaran buat pelajar sekolah juga amanah yang pernah digalasnya.

Tahun ini, Hyrul, 36 tahun, teruja bercampur gementar apabila diberi tugas besar menjadi pengarah kreatif bagi teater tari dengan sisipan unsur digital, *Hati Ke Hati*.

Pementasan yang dipersembahkan kumpulan Artistari Gentari dan fokus pada irama zapin itu diadakan pada 8 malam lusa di Teater Pusat Drama.

Apakah yang dipelajari Hyrul sepanjang bergelut pengarah kreatif projek seni ini?

Ikuti wawancara Berita Harian bersama.

**SOALAN (S):** Apakah perasaan Hyrul apabila ditawarkan menjadi pengarah kreatif 'Hati Ke Hati'?

**HYRUL:** Terus terang saya rasa agak tercabar dan gemuruh kerana saya tidak pernah menggalas tanggungjawab sebagai pengarah kreatif sebuah penerbitan teater artistik tarian berskala besar sebegini.

Selainnya, saya sudah terbiasa mengahar bersama Artistari Gentari melalui persembahan di Teater Luar Esplanade sahaja.

Ini adalah projek terbesar pertama dan sangat penting bagi mereka. Saya teruja diberi kepercayaan menjalankan amanah sebagai pengarah kreatif *Hati Ke Hati*.

**S:** Apakah cabaran yang dihadapi Hyrul?

**HYRUL:** Cabarannya ialah ketika menjalin kerjasama secara kreatif bersama pasukan yang membantu menghasilkan isi kandungan (visual dan wawancara) yang seiring dengan tema dan disulam secara artistik di antara persembahan tarian yang akan dipentaskan.

Bagaimanapun, saya beruntung kerana mendapat banyak tunjuk ajar daripada aktivis teater Feziah Maznan selaku "dramaturg" atau pakar seni dan teknik penyusunan pementasan teater yang berpengalaman.

Saya harap penonton dapat merasakan



**BANYAK BELAJAR:** Sebagai bakat yang sentiasa ingin melihat perkembangan pada diri dan kerjaya seninya, penyanyi Hyrul Anuar menerima amanah sebagai pengarah kreatif teater tari 'Hati Ke Hati' dengan hati terbuka ilmu baru.

satu pengalaman yang akan bermain dengan perasaan mereka melalui penceritaan yang dikongsi. Moga mereka terpanah melihat interaksi penari bersama visual yang terpancar di pentas.

**S:** Apakah pengajaran yang Hyrul bawa pulang sepanjang menjadi pengarah kreatif?

**HYRUL:** Saya dapat amati keindahan tarian Melayu yang telah melalui pelbagai evolusi seiring dengan zaman khususnya tarian zapin.

Namun, setiap pergerakan mempunyai makna yang tersirat. Setiap tarian memberi penekanan pada visual latar atau perkongsian yang akan bermain dengan emosi penonton.

Tidak mudah menghasilkannya tanpa kerjasama pasukan yang sepakat dan memahami matlamat persembahan secara artistik.

**S:** Mengapa penonton harus teruja menyaksikan acara ini?

**HYRUL:** Mereka boleh menikmati keindahan tarian dan muzik zapin yang akan dipersembahkan oleh golongan belia yang tegar berusaha untuk melestarikan seni ini.

Nantikan juga perkongsian dan luahan hati beberapa tokoh berpengaruh dalam bidang masing-masing.

**S:** Bagaimana projek 'Hati Ke Hati' ini membawa kelainan pada seni pementasan atau teater tari Melayu dalam era baru?

**HYRUL:** Saya percaya ini menonjolkan evolusi seni tarian Melayu seiring dengan peradaran zaman.

Kita tidak lagi bergantung pada jumlah penari yang ramai kerana era digital membolehkan penerapan pelbagai unsur canggih seperti tayangan video dan kesan visual.